

10 AUG 1997

Mokhtar-Cenderamata

TERENGGANU SOKONG SARANAN ISYTIHAR CENDERAMATA BERHARGA

BANDAR PERMAISURI, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Terengganu menyokong saranan supaya semua ahli politik dan kakitangan awam mengisytiharkan kepada Perbendaharaan segala cenderamata berharga yang diterima bagi mengelakkan ia disalah anggap sebagai rasuah.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata memang wajar pemimpin atau kakitangan kerajaan terlibat menyerahkan hadiah yang diterima kepada Perbendaharaan atau badan yang dibenar supaya dapat dinilai.

"Kita menyokong penuh saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan mengelak cendermata yang diterima disalah anggap sebagai rasuah terutama yang bernilai tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dewan orang ramai Kampung Chalok Kedai di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata langkah itu amat tepat bagi memastikan ahli politik dan kakitangan kerajaan bebas daripada gejala rasuah yang kini diberi penekanan serius oleh kerajaan.

"Sebagai kerajaan berjiwa rakyat, kita mahu pemimpin kita bukan sahaja nampak bersih tetapi benar-benar bersih supaya tidak timbul keraguan rakyat," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, setakat ini tidak ada pemimpin Terengganu yang menerima cenderamata yang boleh disifatkan sebagai berharga.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis itu, beliau meminta penduduk setempat menyokong usaha-usaha kerajaan meningkatkan pendidikan pelajar di luar bandar.

Wan Mokhtar juga menyeru para usahawan yang mendapat hasil nikmat negara supaya tampil membantu kerajaan dalam usaha itu. -- BERNAMA

IM AKD